



ACARA PERKAHWINAN DAN PENGEBUMIAN



- Sehingga lapan tetamu pula dibenar menghadiri acara perkahwinan di rumah. Buat masa ini, sejumlah 10 orang, termasuk isi rumah – tetapi kecuali kadi dan penyedia khidmat – dibenar menghadiri acara tersebut.

- Alat muzik instrumental secara langsung, kecuali alat muzik angin, boleh dimainkan di majlis perkahwinan di dalam bangunan sahaja, upacara pengebumian dan kegiatan berkaitan pengebumian, dengan langkah-langkah pengurusan selamat dilaksanakan.



PERSEMBAHAN



- Persembahan langsung dalam bangunan juga akan dibenarkan bagi sehingga 250 orang, dibahagikan dalam zon sehingga 50 orang.
- Kelonggaran yang sama itu juga akan diberikan buat persembahan langsung di luar yang dirintis demi memastikan tempat tersebut boleh mengendalikan persembahan luar yang lebih besar dengan selamat dan mengurangkan perhimpunan orang ramai.